GREED HARMS A PERSON
RAKUS MEMBAHAYAKAN ORANG

Assalamu Alaykum wa Rahmatullah wa Barakatuh,
Auzu Billahi Minashaytanir Rajeem. Bismillahir Rahmanir Raheem,
Wassalatu Wassalamu ala Rasulina Muhammadin Sayyidul Awwalin wal Akhirin,
Madad Ya Rasulallah, Madad Ya As'habi RasuLillah, Madad Ya Mashayikhina,
Sheykh Abdullah Daghestani, Sheykh Nazim al-Haqqani. Dastur.
Tariqatunas sohba, wal khayru fil jamiyya.

Dunia ini penuh dugaan dan percubaan. Berbagai macam ujian. Orang di uji antara satu sama yang lain. Ramai yang di uji dengan cari ini. Orang yang tidak belajar dari ujian nya dan tidak latih hawa nafsu - ego mereka akan cenderung menipu, menzalimi dan berbuat berbagai kejahatan kepada orang

Justru itu, manusia harus bijak dalam menangkis hawa nafsu - ego nya. Dia akan siksa jika dia menuruti ego nya. Ini termasuk lah orang Islam yang akan tumpas bila dia menuruti hawa nafsu nya. Perangai yang tidak baik ini akan menjadi ruang untuk jatuh ke suatu perangkap yang akan di pasang oleh 'Pemburu' dan orang orang yang jahat. Perangkap ini boleh berbentuk dari 'spiritual dan material'

Dalam segi material, mereka berjanji berbagai perjanjian. "Anda akan menang ini dan itu." Mereka juga akan mempamerkan projek yang indah untuk anda di goda, yang mendatangkan keutungan yang lumayan. "Anda layak menerima ini semua." Lantas orang termakan godaan ini akan beri nya semua yang dia ada. Akhir nya Dia akan menyesal.

Ini dalam bentuk material yang mungkin di tebus pada masa kemudian. Tetapi dalam segi 'spiritual' dan akhirat anda akan menerima kerugian yang amat membebankan. Jika Keimanan anda terselamat ia tidak begitu rumit tetapi bila penipuan itu mengakibat kehilangan keimanan, ini suatu perkara yang amat membahayakan. Anda boleh dapati mangsa ini di merata rata tempat. Wang dan harta benda lesap kerana kita terjunam kerana kalah kepada hawa nafsu, nafsu amarah kita -ego kita yang RAKUS DAN TAMAK.

Jangan jadi Tamak. Anda akan kehilangan semua nya kerana sedikit keuntungan. Jangan pula kerana sedikit keuntungan anda korban kehidupan anda.

Nasehat ini di tuju kepada semua orang. Berfikir dengan kebijaksanaan. Jangan di tipu oleh orang yang menipu. Berfikir dengan baik. Shaitan telah menipu dari zaman dahulu, menipu Bapa kita Adam alahi salam. Ini bermakna kita manusia senang. Jangan sekali sekali berfikiran "Saya tidak akan terdaya" di perdaya. Awas lah . Berwaspada. lah. Jangan gadai semua yang anda ada untuk diri anda dan untuk anak anda kepada Penipu dan orang yang jahat .

Wang Pencarian mu adalah halal. Bila orang penipu mu, wang ini akan jadi haram bagi nya dan di telah buat dosa. Maka jangan menipu dan di tipu dan jangan izinkan wang itu menjadi haram dan menggalak perbuatan dosa di kalangan Ummat Muhahammad ﷺ. Berwaspada lah pada zaman ini yang penuh dengan cubaan. Moga Allah ﷻ memperbaiki tingkah laku semua orang. Inshallah.

Wa Minallah at-Tawfeeq. Al-Fatiha.

Hazrat Shaykh Muhammad Mehmet Adil
17. January 2017/19 Rabiul Akhir 1438
Sabah Namaz, Akbaba Dargah